

## **KESAN BULI SIBER DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)**

**Fazurah Mustaffa\***

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Siti Haziqah Shaban**

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: fazurah@unimel.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 4 Mei 2023*

*Accepted : 22 Jun 2023*

*Published : 29 September 2023*

### **ABSTRAK**

Internet dan pelbagai peralatan digital telah menjadi sebahagian komponen penting dalam kehidupan masyarakat untuk pelbagai tujuan dan fungsi. Justeru itu, pengguna internet juga terdedah kepada buli siber secara langsung atau tidak langsung terutama kepada pelajar KUIM. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat kesan buli siber dalam kalangan pelajar KUIM. Reka bentuk kajian adalah secara kuantitatif yang berbentuk tinjauan dijalankan ke atas pelajar KUIM dengan menggunakan soal selidik buli siber bagi mendapatkan maklumat berkaitan hubungan tingkah laku buli siber berdasarkan aspek emosi, fizikal dan sikap. Responden kajian yang terlibat adalah seramai 110 orang pelajar KUIM yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, semester dan program pengajian. Data diperoleh dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara buli siber dengan aspek emosi dalam kalangan pelajar di KUIM, ( $r = .685$ ,  $k < .05$ ). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara buli siber dengan aspek fizikal dalam kalangan pelajar di KUIM, ( $r = .570$ ,  $k < .05$ ) dan antara buli siber dengan aspek sikap dalam kalangan pelajar di KUIM, ( $r = .685$ ,  $k < .05$ ). Sebaliknya, dapatan kajian turut mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesan buli siber dengan aspek kerohanian dalam kalangan pelajar KUIM, ( $r = -.017$ ,  $k > .05$ ). Kesimpulannya, kajian ini diharap dapat memberikan manfaat kepada pihak-pihak yang berkenaan khususnya KUIM, Kementerian Pelajaran Malaysia, komuniti dan diri pelajar itu sendiri.

**Kata kunci:** Buli Siber; Pelajar; Emosi; Sikap; Fizikal

## ***THE EFFECTS OF CYBER BULLYING AMONG STUDENTS OF KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)***

### **ABSTRACT**

*The Internet and various digital devices have become an integral part of society's life for a variety of purposes and functions. Therefore, internet users are also vulnerable to cyber bullying directly or indirectly, especially to KUIM students. Therefore, this study aims to look at the effects of cyber bullying among KUIM students. The design of the study is quantitative in the form of a survey conducted on KUIM students by using a cyber bullying questionnaire to obtain information related to the relationship of cyber bullying behavior based on emotional, physical and attitude aspects. The respondents of the study involved were a total of 110 KUIM students from various ages, semesters and study programs. Data were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 22. The results of the study found that there is a significant relationship between cyberbullying with emotional aspects among students at KUIM, ( $r = .685$ ,  $k < .05$ ). The finding also show that there is a significant relationship between cyberbullying with physical aspects among students at KUIM, ( $r = .570$ ,  $k < .05$ ) and between cyber bullying with attitude among students at KUIM, ( $r = .685$ ,  $k < .05$ ). The findings of the study also found that there is no significant relationship between the effects of cyber bullying and spiritual aspects among KUIM students, ( $r = -.017$ ,  $k > .05$ ). In conclusion, this study is expected to provide benefits to the relevant parties, especially KUIM, the Ministry of Education Malaysia, the community and the students themselves.*

**Keyword:** *Cyberbully; Student; Emotion; Attitude; Physical*

### **PENGENALAN**

Perkembangan teknologi media baharu hari ini telah menguasai hampir keseluruhan penduduk dunia, termasuk Malaysia. Internet dan pelbagai peralatan digital telah menjadi sebahagian komponen penting dalam kehidupan masyarakat. Gaya hidup masyarakat telah banyak berubah khususnya cara berkomunikasi antara satu sama lain tidak lagi di batasi jarak dan masa. Rakyat negara ini kini hidup dalam keadaan serba “*connected*” atau terhubung. Semakin ramai rakyat Malaysia menjadi ‘netizens’, maka semakin tinggi keperluan untuk mendidik mereka untuk sentiasa berhati-hati, sensitif dan perihatin dalam talian. Berdasarkan hasil Laporan Digital 2018 yang dikeluarkan *Hootsuite* dan *We Are Social*, jumlah pengguna Internet di negara ini menunjukkan peningkatan kepada 25.08 juta pengguna, mewakili 79 peratus penduduk Malaysia serta daripada jumlah berkenaan 75 peratus menggunakan perkhidmatan media sosial dan memperuntukkan purata tiga jam sehari di laman media sosial (Ili Hadri Khalil, 2018). Malahan, kini Malaysia adalah negara yang mempunyai populasi pengguna digital yang terbesar di dunia. Malaysia

dikategorikan 'digital natives' sekalipun secara globalnya Malaysia berada di kedudukan bawah dari segi perkembangan teknologi komunikasi dan maklumat.

'Digital natives' merujuk kepada golongan muda yang berusia 15 hingga 24 tahun yang sekurang-kurangnya 5 tahun aktif menggunakan internet. Data tersebut menunjukkan sebanyak 13.4 peratus atau lebih 3.9 juta rakyat Malaysia adalah digital natives. Dalam masa yang sama, pengguna media sosial juga terdedah dengan buli siber iaitu satu bentuk gangguan berteknologi tinggi yang melibatkan penggunaan kata-kata yang tidak sopan secara berulang. Menurut laporan statistik Comparitech pada tahun 2021 menyatakan bahawa Malaysia menduduki tangga kedua yang paling banyak laporan buli siber sejak tahun 2018 (Utusan, 2021). Ini kerana masyarakat pada hari ini mempunyai akses yang mudah terhadap teknologi komunikasi termasuklah melalui emel, blog, telefon pintar dan jaringan sosial tanpa sempadan.

Dalam era Revolusi Industri 4.0, masyarakat mempunyai akses tanpa sempadan terhadap sebarang teknologi komunikasi melalui pelbagai cara. Hal ini termasuklah penggunaan internet tanpa had menggunakan telefon pintar mahupun komputer. Menurut Safiek Mokhlis (2019) berhadapan dengan kemajuan teknologi ini, wujud pula satu isu yang berlaku, khususnya dalam kalangan pelajar sekolah iaitu isu buli siber. Karsodikromo et al. (2020) pula berpendapat bahawa pembuli siber tidak memerlukan kelajuan mahupun kekuatan fizikal, tetapi sebaliknya hanya memerlukan akses internet, telefon pintar atau komputer dan keinginan untuk membuli di alam siber. Che Hasniza (2013) pula mentakrifkan bahawa buli siber sebagai buli alam maya yang dilakukan oleh pelaku dengan menghantar mesej dan penyebaran video peribadi tanpa kebenaran dengan tujuan untuk menghina dan menjatuhkan maruah mangsa.

Menurut Poland (2010) menyatakan sesiapa sahaja boleh menjadi pembuli siber kerana tidak wujud pertemuan secara bersemuka dengan mangsa buli siber. Beliau turut mendedahkan bahawa pelajar yang tidak pernah membuli secara tradisional mempunyai potensi yang besar menjadi pembuli di alam siber. Wujudnya gejala siber buli dalam kalangan belia adalah disebabkan beberapa faktor. Malahan, Calvete (2010) menegaskan bahawa buli siber wujud akibat daripada sifat agresif yang proaktif, pengaruh keganasan dan kurang mendapat perhatian rakan sebaya. Jones et al. (2011) turut bersetuju dengan Calvete (2010) yang mengatakan bahawa sifat dengki, prejudis dan tidak bertimbang rasa terhadap kekurangan, perbezaan agama, jantina, malu, maruah, rasa bersalah dan sifat pamarah merupakan antara penyumbang terbesar kepada gejala buli siber. Charles et al. (2013) pula berpendapat terdapat enam faktor utama yang menyebabkan buli siber berlaku.

Faktor ini termasuklah kerahsiaan identiti, keinginan menjadi lebih baik, sifat dengki, tidak dikenakan tindakan undang-undang, perlindungan diri sendiri dan ingin membalas dendam terhadap mangsa buli siber. Renee (2016) pula menyatakan faktor terbesar yang menyumbang kepada gejala buli siber dalam kalangan remaja sekolah adalah penyalahgunaan media sosial. Beliau menjelaskan bahawa hampir kesemua golongan remaja sekolah memiliki sekurang-kurangnya satu akaun media sosial. Kebolehan mengendali laman sosial membantu pelajar berkomunikasi antara satu sama lain. Malangnya, ada di 87 antara pelajar yang menyalahguna kemahiran ini dan menjadikan media sosial sebagai laman membuli (Shaari, 2013).

Kajian di peringkat antarabangsa pula menunjukkan buli siber dapat mendatangkan kesan negatif terhadap mangsa. Kesan yang paling ketara akibat daripada pembulian siber adalah kesihatan mental terjejas. Kajian yang telah dilakukan oleh Beran dan Li (2005) ke atas pelajar Gred 7 hingga Gred 9 menunjukkan mangsa buli siber didapati cenderung untuk cepat marah dan kemurungan. Mereka mendapati mental pelajar juga tidak stabil dalam mengawal emosi. Menurut Campbell (2012), kesihatan mental mangsa buli siber didapati berubah dan menunjukkan tanda- tanda kegelisahan, kemurungan dan mengalami kesukaran untuk bersosial. Hasil dapatan tersebut merupakan input yang telah beliau perolehi semasa melakukan kajian psikoemosi mangsa buli siber ke atas seramai 3112 orang pelajar Gred 6 hingga Gred 12.

Kajian oleh Bauman (2010) mendapati bahawa kesan yang ketara akibat daripada gejala buli siber adalah penurunan pencapaian akademik di sekolah, tekanan dan kebimbangan yang serius. Kajian berasaskan gender yang dijalankan oleh Goddard (2008) pula menunjukkan bahawa pelajar perempuan yang merupakan mangsa buli siber akan mudah kehilangan fokus dalam melakukan sesuatu, contohnya; sukar menumpukan perhatian di dalam bilik darjah. Dapatan kajian oleh Robin dan Kowalski dan Limber (2013) pula mendapati bahawa mangsa buli siber mempunyai tahap kesihatan psikologi dan fizikal. Selain itu, pencapaian akademik mereka juga didapati menurun sedikit sejak dibuli secara virtual di alam siber. Selain itu, Ybarra dan Mitchell (2004) pula mendapati bahawa pembuli siber mempamerkan tingkah laku yang lebih agresif di alam siber berbanding kehidupan sebenar. Hal ini kerana identiti mereka di alam siber tidak diketahui oleh mangsa buli siber.

Justeru, satu kajian secara empirikal berkaitan buli siber dan kesannya terhadap pelajar di institusi pengajian tinggi di Melaka perlu dilaksanakan bagi mendapatkan input-input baru dan terkini dalam membantu meningkatkan pencegahan masalah buli siber yang berlaku dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi terutama pelajar KUIM. Signifikan kajian ini adalah untuk mengurangkan gejala buli siber di kalangan pengguna media sosial seiring dengan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 (Berita Harian, 2020).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif bagi kajian ini, adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji hubungan antara kesan buli siber dengan aspek emosi dalam kalangan pelajar KUIM
- ii. Mengkaji hubungan antara kesan buli siber dengan aspek fizikal dalam kalangan pelajar KUIM
- iii. Mengkaji hubungan antara kesan buli siber dengan aspek sikap dalam kalangan pelajar KUIM
- iv. Mengkaji hubungan antara kesan buli siber dengan aspek kerohanian dalam kalangan pelajar KUIM

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah tinjauan bagi mengukur pembolehubah yang diuji. Satu set soal selidik telah diedarkan kepada responden untuk dijawab bagi melihat kesan buli siber dalam kalangan pelajar di KUIM.

### Sampel Kajian

Penentuan saiz sampel yang disarankan oleh Hair et al. (2010) adalah dengan menggunakan nisbah 5:1 yang bermaksud lima pemerhatian atau sampel diperlukan bagi setiap pembolehubah bebas. Menurut Hair et al. (2010), bagi setiap pembolehubah perlu dipertingkatkan kepada 15 hingga 20 sampel bagi setiap pembolehubah bebas. Oleh itu, kajian ini mempunyai satu pembolehubah iaitu buli siber menjadikan jumlah saiz sampel yang bersesuaian dalam kajian ini adalah  $1 \times 20 = 20$  sampel. Justeru, kajian ini telah melibatkan seramai 110 orang responden yang terdiri daripada pelbagai semester dan program pengajian di KUIM.

### Instrumen

Kajian ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A: Demografi responden merangkumi jantina, umur, program dan semester. Bahagian B: Soal Selidik Buli Siber. Bahagian B ialah tentang Soal Selidik Buli Siber digunakan bagi meninjau tahap kesan buli siber terhadap emosi, fizikal dan sikap dan juga ketagihan internet dalam kalangan pelajar KUIM.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Keputusan Deskriptif

Borang soal selidik dalam bentuk *google form* telah diedarkan kepada seramai 110 orang pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang berumur antara 20 tahun dan ke atas. Bersesuaian dengan tujuan kajian ini, kaedah pemilihan sampel iaitu persampelan bertujuan di mana pengkaji mengedarkan baring soal selidik kepada 110 orang responden yang telah menepati kriteria yang dikehendaki. Secara ringkasnya, ciri-ciri demografi responden dapat ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Taburan Responden Mengikut Demografi Jantina

Jantina	N	Peratus (%)
Lelaki	20	17.4
Perempuan	90	82.6
<b>Jumlah</b>	<b>110</b>	<b>100</b>

Jadual 1 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Berdasarkan analisis yang dilakukan, secara majoritinya adalah responden perempuan iaitu seramai 90 orang atau 82.6% manakala responden lelaki yang terlibat ialah 20 orang atau 17.4%.

**Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Umur**

Umur	N	Peratus (%)
18-22 Tahun	90	82.6
23-25 Tahun	18	15.6
26-29 Tahun	2	1.8
<b>Jumlah</b>	<b>110</b>	<b>100</b>

Jadual 2 menunjukkan taburan responden berdasarkan umur pelajar. Dapatan menunjukkan seramai 90 orang atau 82.6% adalah pelajar berumur 18-22 tahun, seramai 18 orang bagi pelajar berumur 23-25 tahun atau 15.6%, 2 pelajar berumur 26-29 tahun atau 1.8%.

**Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Semester Pengajian**

Semester	N	Peratus (%)
1	21	19.3
2	15	13.8
3	37	33.9
4	2	0.9
5	32	29.4
6	3	2.8
<b>Jumlah</b>	<b>110</b>	<b>100</b>

Jadual 3 menunjukkan taburan responden berdasarkan semester pengajian pelajar. Dapatan menunjukkan seramai 21 orang atau 19.3% adalah pelajar semester 1, seramai 15 orang atau 13.8% adalah pelajar semester 2, seramai 37 orang atau 33.9% adalah pelajar semester 3, seramai 2 orang atau 0.9% adalah pelajar semester 4, seramai 32 orang atau 29.4% adalah pelajar semester 5, seramai 3 orang atau 2.8% adalah pelajar semester 6.

**Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Program Pengajian**

Program	N	Peratus (%)
Diploma	82	75.2
Ijazah Sarjana Muda	28	24.8
<b>Jumlah</b>	<b>110</b>	<b>100</b>

Jadual 4 menunjukkan taburan responden berdasarkan program pengajian pelajar. Dapatan menunjukkan seramai 82 orang atau 75.2% adalah pelajar program diploma, seramai 28 orang atau 24.8% adalah pelajar ijazah sarjana muda.

## Keputusan Inferensi

### i. Kesan buli siber dengan aspek emosi

Buli siber boleh memberikan kesan yang negatif kepada emosi pelajar institusi pengajian tinggi khususnya di KUIM. Apabila pelajar-pelajar ini dibuli di alam siber akan mempunyai perasaan rendah diri yang tinggi, malu dan mengalami tekanan atau *stress* yang tinggi dengan situasi yang berlaku pada mereka. Jadual 5 menunjukkan keputusan korelasi Pearson antara buli siber dengan aspek emosi dalam kalangan pelajar di KUIM. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai  $r$  adalah .685\*\* dan nilai kebarangkalian adalah .000. Maka nilai yang terhasil menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara buli siber dengan aspek emosi dalam kalangan pelajar di KUIM, ( $r = .685$ ,  $k < .05$ ). Oleh yang demikian, hipotesis ini diterima. Hasil dapatan ini sejajar dengan Beran dan Li (2005) ke atas pelajar Gred 7 hingga Gred 9 menunjukkan mangsa buli siber didapati cenderung untuk cepat marah dan kemurungan. Mereka mendapati mental pelajar juga tidak stabil dalam mengawal emosi. Menurut Campbell (2012), kesihatan mental mangsa buli siber didapati berubah dan menunjukkan tanda-tanda kegelisahan, kemurungan dan mengalami kesukaran untuk bersosial.

**Jadual 5:** Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Signifikan Antara Kesan Buli Siber Dengan Aspek Emosi Dalam Kalangan Pelajar KUIM

Pembolehubah	Buli Siber
Fizikal	.570**

$k < .05$

### ii. Kesan Buli Siber terhadap Aspek Sikap Dalam Kalangan Pelajar KUIM

Sikap mangsa buli siber menjadi semakin tidak rasional apabila mereka bertindak melakukan sesuatu tindakan di luar kawalan mereka seperti tindakan membunuh diri. Jadual 6 menunjukkan keputusan korelasi Pearson antara buli siber dengan aspek sikap dalam kalangan pelajar di KUIM. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai  $r$  adalah .685\*\* dan nilai kebarangkalian adalah .000. Maka nilai yang terhasil menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara buli siber dengan aspek sikap dalam kalangan pelajar di KUIM, ( $r = .685$ ,  $k < .05$ ). Oleh yang demikian, hipotesis ini diterima. Hasil dapatan ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Goddard (2008) menunjukkan bahawa pelajar perempuan yang merupakan mangsa buli siber akan mudah kehilangan fokus dalam melakukan sesuatu, contohnya; sukar menumpukan perhatian di dalam bilik darjah berbanding mangsa buli dalam kalangan pelajar lelaki. Hasil dapatan ini juga selari dengan

kajian Rina dan Shelley (2013) yang menyatakan bahawa buli siber yang berlaku dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi menyebabkan mangsa pernah bercadang untuk membunuh diri dengan pelbagai idea tentang cara meragut nyawa sendiri timbul dalam fikiran mereka. Sesungguhnya, kesan buli siber ke atas mangsa bukanlah sesuatu yang dipandang remeh kerana nyawa seseorang individu amat penting dalam pembangunan negara.

**Jadual 6:** Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Signifikan Antara Kesan Buli Siber Dengan Aspek Sikap Dalam Kalangan Pelajar KUIM

Pembolehubah	Buli Siber
Sikap	.685**

$k < .05$

### iii. Kesan Buli Siber Dengan Aspek Kerohanian Dalam Kalangan Pelajar KUIM

Jadual 7 menunjukkan keputusan korelasi Pearson antara buli siber dengan aspek sikap dalam kalangan pelajar di KUIM. Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai  $r$  adalah  $-.017$  dan nilai kebarangkalian adalah  $.858$ . Maka nilai yang terhasil menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara buli siber dengan aspek kerohanian dalam kalangan pelajar di KUIM, ( $r = -.017$ ,  $k > .05$ ). Oleh yang demikian, hipotesis ini ditolak. Hasil dapatan ini tidak selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Yatiman et al. (2014); Che Awang dan Alavi, 2020; Schultze-Krumbholz et al., 2016; Ferdian Utama, 2018) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara nilai kerohanian atau nilai agama di kalangan pelajar. Namun begitu, Mariani Md Nor (2019) pula menyatakan bahawa kegiatan buli siber ini berlaku kerana kurangnya empati dan kecerdasan emosional (EQ) serta kecerdasan spiritual (SQ) boleh memberi impak negatif sebagai contoh membawa kepada gejala kemurungan dan bunuh diri yang boleh berlaku baik kepada mangsa atau pemangsa sendiri.

**Jadual 7:** Pekali Korelasi Pearson Bagi Hubungan Signifikan Antara Kesan Buli Siber Dengan Aspek Kerohanian Dalam Kalangan Pelajar KUIM

Pembolehubah	Buli Siber
Kerohanian	$-.017$

$k < .05$

## KESIMPULAN

Isu buli siber dalam kalangan pelajar memberi kesan kepada pelajar itu sendiri dan persekitaran mereka. Melalui kajian ini dapat disimpulkan terdapat hubungan yang signifikan antara buli siber dengan aspek emosi, fizikal dan sikap tetapi tidak kepada



elemen kerohanian. Kajian yang dihasilkan ini diharapkan memberikan manfaat kepada pengetahuan masyarakat agar tidak terlanjur melakukan kesalahan ketika memasuki media sosial yang membawa kepada berlakunya perlakuan buli siber. Kajian ini juga memberikan manfaat kepada pihak-pihak yang berkenaan dan sebagai sumbangan kepada pihak-pihak yang berkenaan khususnya KUIM, Kementerian Pelajaran Malaysia, komuniti dan diri pelajar itu sendiri.

## RUJUKAN

- Bauman Sheri. (2010). Cyberbullying in a rural intermediate school: An expletory study. *Journal of Early Adolescents*. Vol.30 (6): pp.803 – 833.
- Beran Tanya & Li Qing. (2005). Cyber harassment: A study of a new method for an old behavior. *Journal of Educational Computing Research*. 32 (3): 265 – 277.
- Berita Harian. (2020). <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/12/763127/kembalikan-akta-antiberita-tidak-benar-2018>.
- Bonanno Rina & Hymel Shelley. (2013) Cyber bullying and internalizing difficulties: Above and beyond the time impact of traditional forms of bullying. *Journal of Youth Adolescents*, vol. 42 (5): pp.685 – 697.
- Suriana Binti Che Awang dan Khadijah Alavi. (2020) Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM.
- Calvete Eric. (2010). Cyberbullying in adolescents: Modalities and aggressors' profile. *Computers in Human Behavior*. Vol.26 (5): pp.1128 – 1135.
- Campbell Kenneth. (2012). Cyber bullying: an old problem in a new guise? *Australian Journal of Guidance and Counselling*. 15 (1): 68 – 76.
- Charles E. Notar. Sharon Padgett & Jessica Roden. (2013). Cyberbullying: A Review of the Literature. *Universal Journal of Educational Research* vol.1(1): pp.1-9.
- Che Hasniza Che Noh & Mohd Yusri Ibrahim. (2013). Kajian penerokaan buli siber dalam kalangan pelajar UMT. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 134: 323 – 329.
- Suriana Binti Che Awang. Khadijah Alavi. (2020). Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM.
- Hair, J.F. Black, W.C. Babin, B.J. & Anderson. R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis*. Seventh Edition. Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- Ili Hadri Khalil. Januari 30, (2018). 18:55 MYT. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/malaysia-negara-ke9-paling-aktif-media-sosial-ke5-paling-ramai-guna-edagang-laporan-166998>
- Jones, S. E., Manstead, A. S. R., & Livingstone, A. G. (2011). Ganging up or sticking together? Group processes and children's responses to text-message bullying. *British Journal of Psychology*, 102(1), 71-96.
- Goddart. (2008). Cyber world bullying. *Education Digest*. 73 (7): 4 – 9.
- Poland Scott. 2010. Cyberbullying continues to challenge educators. *District Administration*, 46 (5): 55.
- Poland, S. (2010). Cyberbullying continues to challenge educators. *District Administration*, 46(5), 55.

- Renee Garret, Lynnwood Lord & Sean Young, (2016). Associations between social media and cyberbullying: A review of the literature. 2: 46.
- Robin Kowalski & Susan Limber, (2013). Psychological, physical and academic correlates of cyberbullying and traditional bullying. *Journal of Adolescent Health*. 53 (1): 13-20.
- Safiek Mokhlis, (2019). Buli Siber dalam kalangan pelajar sekolah menengah: Satu penerokaan awal. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Pendidikan e-ISSN: 2682-826X | Vol.1. No. 2. 7-18. 2019. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd7>.
- Shaari Kessel, Erin Smith & Lydia O'Donnell. (2013). Implementation of school-based efforts and implications for social media approaches. Social Media and Cyberbullying. EDC.
- Utusan. (2021). <https://www.utusan.com.my/rencana/2021/08/buli-siber-sudah-menular-dalam-masyarakat/>
- Ybarra & Mitchell. (2004). Online aggressor/targets, aggressors and targets: A comparison of associated youth characteristics. *Journal of Child Psychology & Psychiatry*, 45 (7): 1308 – 1316
- Yatiman Karsodikromo, Mohd RazimiHusin, Abdul Rahim Razali & Hazalizah Hamzah. (2020). Buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah di daerah Samarahan,Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*. Vol. 13 No. 2(2020) / ISSN 1394 -7176 (38-47).
- Yatiman Karsodikromo, Hazalizah Hamzah & Abdul Rahim Razalli. (2014). Keperluan Penerapan Dan Cadangan Unsur Keislaman Dalam Terapi Rasional Emosi Tingkah Laku (Rebt). Konferens: The International Conference on Teacher Education